

Kumpulan Taming Mas UMSKAL jayakan perarakan Mini Citrawarna 2014

UB 2.10.2014 B4

LABUAN: Kumpulan Tarian Taming Mas dari Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) turut menjayakan acara perarakan Mini Citrawarna 2014 di Dataran Labuan, baru-baru ini.

Program anjuran Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia Cawangan Labuan itu diadakan sempena sambutan Tahun Melawat Malaysia (TMM) pada tahun ini.

Seramai 300 penari yang mewakili lapan kumpulan termasuk 30 penari, jurulatih dan krew dari UMSKAL menyertai program tahunan itu.

Selain Kumpulan Taming Mas, tujuh lagi kumpulan tarian ialah Kolej Matrikulasi Labuan, KDCA Labuan, Persatuan Dayak Labuan dan ASWILA (Angkatan Anak Seni Labuan).

Turut mengambil bahagian

Kumpulan Antap Budaya (SMK Pantai), Labuan International School (LIS) dan Rumpun Anak Seni (SK Pekan 2).

Persembahan Taming Mas UMSKAL menampilkan tarian daripada suku kaum Suluk yang menggabungkan jenis tarian iaitu tarian Tarirai, Mengiluk dan Igal-igal yang mana tarian berkenaan kebiasaannya dipersembahkan pada majlis pesta dan keramaian seperti Regatta Lepa, majlis rasmi dan majlis perkahwinan.

Bengkel Trainer of trainers (TOT) turut diadakan di Studio Seni dan Budaya, UMS Kampus Antarabangsa Labuan yang melibatkan lapan kumpulan yang menyertai acara Citrawarna pada 10 dan 12 September 2014.

Ia dilaksanakan oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Sabah (JKKN Sabah) dan dianjurkan oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia

Labuan.

Pengarah Jabatan Muzium Malaysia Labuan Siti Rabia Abd Rahman merasmikan Mini Citrawarna 2014. Turut hadir Pengarah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia Labuan Faruzrahidzah Mohd Kassim.

Jurulatih Taming Mas, Mas Adi Alimin berharap lebih banyak program akan diadakan bagi menampilkan seni tari masyarakat Sabah, Sarawak, Labuan dan Semenanjung sesuai dengan slogan 1Malaysia.

Malah katanya, melalui tarian juga dapat mempromosi kebudayaan bangsa dan kaum yang terdapat di Kepulauan Borneo khususnya kepada pelancong luar negara.

“Pelajar UMSKAL juga dapat mengetahui dan mempelajari adat dan budaya serta seni tarian rakan-rakan mereka dari Sabah, Sarawak, Semenanjung dan Labuan,” katanya.



KUMPULAN Tarian Taming Mas UMSKAL turut menjayakan perarakan Mini Citrawarna Labuan 2014 di Dataran Labuan.